



JABATAN PERDANA MENTERI
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS
KETUA PENGARAH
AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)**

BAGI

**MAJLIS PENYERAHAN JAMBATAN KELULI BERMODULAR
(BAILEY BRIDGE) KEPADA KERAJAAN NEGERI SARAWAK**

11 JANUARI 2025 (SABTU) | JKR BEKENU, SARAWAK

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

SALUTASI AKAN DIBERIKAN SEMASA MAJLIS

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini di Majlis Penyerahan Jambatan Keluli Bermodular (Bailey Bridge) kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak.
2. Selaku agensi peneraju utama dalam pengurusan bencana di Malaysia, NADMA memikul tanggungjawab dalam merancang, melaksanakan, dan menyelaraskan tindakan pengurusan bencana serta pengurangan risiko bencana di seluruh negara.
3. NADMA memastikan bahawa semua pihak yang terlibat dalam pengurusan bencana termasuk Kementerian, Agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, sektor swasta, dan organisasi bukan kerajaan dapat bekerjasama dalam menyediakan sistem tindak balas yang pantas, berkesan, dan holistik.
4. Dalam menghadapi bencana, sudah pasti kecekapan dalam pengurusan aset adalah sangat penting. Ini bagi memastikan setiap tindakan yang diambil dapat dilaksanakan dengan cepat dan tepat, tanpa sebarang kelewatan yang boleh memberi kesan kepada usaha pemulihan.
5. Oleh itu, usaha untuk mempercepatkan pemulihan infrastruktur di kawasan yang terjejas akibat bencana sentiasa diberi keutamaan supaya keadaan tersebut tidak mengancam keselamatan dan memberi gangguan kepada penduduk dalam tempoh yang lama.

PENGURUSAN BENCANA NEGARA YANG LEBIH EFEKTIF MELALUI PENGURUSAN ASET DAN LOGISTIK

Hadirin yang saya hormati,

6. Dalam usaha mempercepat pemulihan infrastruktur terjejas banjir, NADMA telah mengambil tindakan proaktif dengan melaksanakan pembelian Jambatan Keluli Bermodular atau Bailey Bridge pada tahun 2023 sebanyak lima (5) unit. Proses perolehan jambatan ini telah mendapat kerjasama baik daripada agensi-agensi yang mempunyai kepakaran teknikal dalam pengoperasian Jambatan Keluli Bermodular iaitu Rejimen Askar Jurutera Darat (RAJD) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Agensi-agensi ini turut terlibat menghadiri Ujian Penerimaan Akhir (*Final Acceptance Test* - FAT) pada 23 Jun hingga 2 Julai 2024 yang lalu di Depoh Tindak Balas Kemanusiaan Negara (DTBKN), Sungai Buloh.
7. Kesemua jambatan ini telah diagihkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang berkeperluan tinggi iaitu satu (1) unit ditempatkan di Kem Desa Pahlawan, Kelantan, tiga (3) unit ditempatkan di Sabah iaitu di JKR Putatan, JKR Keningau dan JKR Kinabatangan manakala satu (1) unit diserahkan kepada Negeri Sarawak pada hari ini dan akan ditempatkan di JKR Bekenu Depot.
8. Perolehan jambatan keluli bermodular ini merupakan sebahagian daripada langkah memperkukuhkan aset logistik dan kesiapsiagaan bencana negara. Inisiatif strategik ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan logistik khususnya dalam menangani situasi kecemasan yang memerlukan penyelesaian pantas terhadap kerosakan infrastruktur seperti jambatan dan jalan raya.
9. Selain itu, aset ini juga adalah salah satu langkah persediaan negara dalam menghadapi bencana yang berulang, terutamanya di kawasan yang sering terdedah kepada risiko bencana seperti banjir atau tanah runtuh. Ini jelas membuktikan komitmen NADMA dalam menyediakan sistem tindak balas yang pantas dan efektif.

PENYERAHAN JAMBATAN KELULI BERMODULAR KEPADA JPBN

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. NADMA telah membuat penghantaran kontena Bailey Bridge ini pada 8 Disember 2024 dari DTBKN Sungai Buloh dan telah tiba di Pelabuhan Miri pada 7 Januari 2025 yang lalu. Kontena jambatan ini telah dibawa ke JKR Bekenu Depot seperti yang anda semua boleh lihat di hadapan khemah ini.
11. JPBN Sarawak telah bersetuju supaya pemasangan jambatan tersebut dibuat di Long Banga, Sarawak kerana terdapat laluan yang terputus akibat bencana banjir pada pertengahan tahun lepas.
12. Satu sesi latihan pemasangan dan penyimpanan Bailey Bridge dijadualkan berlangsung di Pusat Penyimpanan Komponen Bailey Bridge, JKR Putatan, Sabah selama 7 hari dari 13 hingga 19 Januari 2025. Sesi latihan ini diadakan bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan kepada anggota yang terlibat mengenai prosedur dan kaedah pemasangan serta peleraian Bailey Bridge dengan betul. Latihan ini dapat meningkatkan kemahiran teknikal dan memastikan pelaksanaan pemasangan yang lebih cekap dan selamat.
13. Seramai 23 peserta terdiri daripada wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (SUK Sarawak) serta JKR Negeri Sarawak akan menyertai sesi latihan ini.

JALINAN KERJASAMA ERAT DENGAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. NADMA ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada JPBN Sarawak yang sentiasa prihatin akan keperluan rakyat Sarawak serta memberikan kerjasama yang baik kepada NADMA dalam memastikan pengurusan bencana di negeri ini dilaksanakan dengan sistematik dan efisien.

15. Pengurusan penyerahan Bailey Bridge ini adalah contoh terbaik memperlihatkan kerjasama yang utuh antara NADMA, SUK Sarawak dan JKR Negeri Sarawak bagi menjamin kesiapsiagaan logistik bencana yang optimum di negeri ini.
16. Melalui penyerahan Bailey Bridge ini juga pastinya dapat membantu memperkuat infrastruktur sokongan bencana di Sarawak, terutamanya di kawasan-kawasan yang terdedah kepada risiko bencana.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

17. NADMA akan terus memastikan dasar dan mekanisme pengurusan bencana sentiasa relevan dengan cabaran dan kompleksiti bencana semasa serta berupaya meningkatkan keupayaan negara dalam menghadapi dan menguruskan bencana dengan lebih baik. Pada masa ini, penggunaan Arahan NADMA No.1 serta Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 dilihat berjaya memberi panduan kepada semua Agensi Tindak Balas dan Teknikal dalam menjalankan peranan masing-masing semasa berlaku banjir baru-baru ini. Alhamdulillah.
18. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi ini. Semoga usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan ini dapat memberi manfaat yang besar kepada rakyat khususnya yang terkesan dengan musibah bencana. Saya amat berharap kerjasama ini akan terus dieratkan agar kita mampu menghadapi sebarang cabaran dalam pengurusan bencana pada bila-bila masa dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.